Keratan Akhbar bertarikh 27 Mac 2015

Harian Metro



# Sistem merit pasar awam

**Sepang:** Imej pasar awam di tiga pasar utama di daerah ini terus dipertingkatkan menerusi pengenalan sistem penarafan dikenali Sistem Merit Pasar Awam oleh Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).

Buat permulaan, sebanyak 28 gerai di Pasar Awam Salak, di sini, diberi penarafan menerusi tiga kategori utama iaitu notis penghargaan, penambahbaikan dan amaran.

Penolong Pengarah Perlesesan MPSepang Noor Halif Noorzan berkata, dua gerai diberi notis penghargaan kerana mematuhi kriteria kebersihan ditetapkan pihaknya manakala 22 gerai lain diberikan notis penambahbaikan selain dua yang lain diberi notis amaran.

»2

SHAHRIZAL menyusun sayur di gerai miliknya di Pasar Awam Salak, Sepang.